



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 24
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88914561
Fax : 03-88913190
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my/jpspn_2013
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : jpspn_kpkt
Facebook : Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal Negara

Fail : KPKT/JPSPN/900/1/13 Klt.2(53)

Tarikh : 4 Julai 2014

SIARAN MEDIA

LAWATAN KE TOKYO JEPUN DI BAWAH PROGRAM PUBLIC ENGAGEMENT BAGI CADANGAN KERAJAAN UNTUK MEMBINA LOJI WASTE TO ENERGY DI KUALA LUMPUR

Putrajaya, 4 Julai 2014- Pada 23 dan 24 Jun yang lalu satu kumpulan yang terdiri daripada wakil penduduk setempat, parti politik dan wakil dari Badan Bukan Kerajaan (NGOs) Kuala Lumpur Taknak Insinerator (KTI) telah di bawa oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara ke Tokyo Jepun untuk melawat Loji-loji Insinerator di Negara tersebut. Lawatan tersebut merupakan salah satu aktiviti yang dirancang oleh Jabatan ini di bawah program public engagement bagi membolehkan wakil masyarakat setempat dan ahli-ahli politik yang berkepentingan bagi mendapatkan maklumat dan meninjau sendiri kewujudan loji waste to energy dinegara lain.

Program ini amat penting kerana terdapat maklumat-maklumat yang tidak tepat diperolehi daripada sumber-sumber tidak rasmi mengenai keselamatan dan keupayaan loji waste to energy melupuskan sisa pepejal. Maklumat-maklumat tersebut kebanyakan menjurus kepada menentang hasrat kerajaan untuk membina sebuah loji Waste To Energy (WtE) di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin Kuala Lumpur. Isu-isu tentang pelepasan gas-gas daripada loji dan juga isu zon penamparan (buffer zone) serta reaksi daripada para penduduk tempatan terhadap pembinaan loji waste to energy diharap dapat diperjelaskan kepada ahli rombongan ini.

Peserta-peserta yang terdiri daripada mereka yang menentang, menyokong dan neutral

terhadap cadangan Kerajaan itu di bawa melawat loji-loji yang sedang beroperasi (Shibuya dan Adachi) dan sedang dalam proses pembinaan semula (Suginami) selain berpeluang mendengar taklimat berkaitan pengurusan sisa pepejal di Kementerian Alam Sekitar Jepun (MOEJ).

Loji-loji tersebut berlokasikan ditengah-tengah Bandar, berhampiran dengan kawasan perumahan, pusat komuniti malah ada yang bersebelahan dengan sekolah-sekolah dengan jarak yang sangat minimum (10-20 meter) menjadi pilihan untuk dilawati agar peserta dapat melihat sendiri dan mendapatkan jawapan terhadap kekusaran mereka terhadap cadangan Kerajaan untuk membina Loji Waste to Energy sebagai salah satu alternative dalam merawat sisa pepejal di Negara ini.

Disamping lawatan ke loji –loji berkenaan, ahli rombongan juga dibawa bertemu dengan wakil Kementerian Alam Sekitar Jepun (MOEJ) dn juga berdialog terus dengan wakil persatuan penduduk setempat yang berhampiran dengan loji berkaitan. Pertemuan dengan wakil MOEJ membolehkan para rombongan memperolehi jawapan kenapa jumlah insinerator di Jepun berkurangan daripada tahun 1990an berbanding kini. Jumlah menjadi berkurangan kerana insinerator kecil yang dibina pada awal tahun 1960an dan 70an tidak lagi ekonomikal dan tidak menepati standard pelepasan yang ditetapkan sekarang. Oleh itu, insinerator-insinerator tersebut di robohkan dan digantikan dengan pembinaan insinerator baru yang berteknologi tinggi dan mesra alam yang berupaya menangani isu pelepasan gas dan juga dapat menjana tenaga. Penggabungan beberapa insinerator kecil menjadikannya satu sahaja insinerator berskala besar telah mengurangkan bilangan insinerator tetapi masih mampu merawat jumlah sisa pepejal yang sama banyaknya. Pihak mereka turut menafikan pengurangan tersebut adalah akibat ancaman pembebasan gas yang membahayakan penduduk mahupun kerana bantahan penduduk setempat.

Beberapa perkara penting yang ditekankan oleh wakil penduduk setempat bagi mendapatkan “buy in” mereka adalah:

- i. Hilangkan perasaan tidak senang berkenaan insinerator;
- ii. Memastikan akauntabiliti dalam projek berkaitan; dan
- iii. Memastikan Insinerator dapat memberikan nilai tambah kepada komuniti yang dapat mewujudkan perasan selesa bagi yang tinggal berhampiran

Lawatan tersebut disertai oleh YB Dr. Tan Seng Giaw (Ahli Parlimen Kepong), YB Dr. Che Rosli Che Mat (Ahli Parlimen Hulu Langat), Prof Dr. Dominic Lau (Koordinator Parti Gerakan Parlimen Batu), En Abdul Razak Abdul Rahman (Wakil UMNO Kepong). En Lam Choong Wah Wakil Penduduk Kawasan Batu merangkap Pengarah Media Jawatankuasa Kuala Lumpur Takanak Insinerator (KTI).

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. JPSPN bertanggung jawab dalam menyediakan dasar, perancangan strategik dan pengurusan sisa pepejal yang bersepadu. JPSPN turut bertanggungjawab untuk menggubal peraturan-peraturan sebagaimana diperuntukkan dalam Akta 672, menetapkan standard, spesifikasi dan kod amalan pengurusan sisa pepejal di Malaysia

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

Telefon : 03-8891 4561
Faks : 03-8891 3190
E-mai : siti_mariani@kpkt.gov.my

GAMBAR SEKITAR LAWATAN



Peserta sedang mendengar taklimat di Shibuya Incineration Plant



Lawatan berpandu disekitar Sugunami Incineration Plant – Sedang Dalam Pembinaan (Kanan: Perumahan dengan jarak 10 meter dari Loji)

Maklumat berkaitan Sugunami Incinerator Plant:

- a) 5 Minit perjalanan kaki dari stesen keretapi
- b) Bahagian Utara & Barat: Kawasan perumahan
- c) Bahagian Selatan: Sekolah Rendah, Perumahan
- d) Bahagian Selatan: Keio Line railway, Kanda-gawa River & perumahan



Lawatan ke Ukiuki-Kan Swimming and Sporting Center & Elderly Center di mana bersebelahan dengan Adachi Incineration Plant. Adachi Incineration Plant membekalkan Haba dari incinerator mereka ke community center ini